

03/09/1997

Mahkamah Siber mungkin diwujudkan

Bakhari Ariff

KUALA LUMPUR, Selasa - Kerajaan akan merujuk kepakaran beberapa negara termasuk Singapura bagi mewujudkan Mahkamah Siber yang pertama di negara ini, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abang Abu Bakar Mustapha.

Beliau berkata, Mahkamah Siber penting berikutan kerajaan memperkenalkan undang-undang siber bagi melindungi perkembangan Koridor Raya Multimedia (MSC).

Undang-undang Siber merangkumi tiga akta utama - Akta Tandatangan Digital, Akta Perlindungan Harta Intelek dan Akta Jenayah Komputer.

"Bagaimanapun, usaha mewujudkan mahkamah ini masih di peringkat awal dan kita bersedia meneliti perkembangan mahkamah di luar negara yang berkaitan komputer.

"Kita akan mencipta satu Mahkamah Siber yang unik," katanya kepada pemberita selepas menerima kunjungan hormat Menteri Undang-Undang dan Kehakiman India, Ramakant D Khalap di pejabatnya di sini, hari ini.

Lawatan selama empat hari bermula 31 Ogos lalu itu disertai Setiausaha Bersama dan Penasihat Undang-Undang India, B A Agrawal.

Tujuan lawatan berkenaan antara lain bagi meninjau dan bertukar-tukar maklumat mengenai sistem perundangan negara yang dapat dimanfaatkan oleh kedua-dua negara.

Sebelum ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mencadangkan kepada anggota Asean mengadakan undang-undang siber yang seragam, termasuk menubuhkan mahkamah siber, untuk melindungi kepentingan pelabur dalam industri maklumat.

Abu Bakar juga berkata, kerajaan sedang melatih lebih banyak jurubahasa di mahkamah bagi mengatasi masalah kekurangannya.

"Banyak jurubahasa berpindah ke sektor swasta kerana tarikan gaji yang lebih lumayan berbanding bekerja dengan kerajaan.

Kita gunakan kaedah melatih jurubahasa sedia ada supaya boleh membuat terjemahan percakapan orang Cina dan India selain bahasa Inggeris," katanya.

Mengenai kes tertangguh di mahkamah, Abu Bakar berkata sebelum ini ada kira-kira 70 peratus kes tertangguh di mahkamah termasuk di Mahkamah Majistret.

"Kini kita tidak mengalami masalah itu lagi kerana Ketua Hakim Negara, Tun Mohd Eusoff Chin sudah membuat beberapa perubahan untuk mengatasi masalah ini," katanya.

Abu Bakar berkata, langkah itu termasuk mewajibkan hakim menepati waktunya, tidak membenarkan peguam menangguhkan kes selagi tidak mempunyai alasan munasabah dan hakim dikehendaki menyemak kembali kes yang didaftarkan.

(END)